

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 JUNE 2017

KERJASAMA PROTON-GEELY

Dakwaan Tun M tidak berasas

BH-18/6/2017 fs. 20



Mustapa Mohamed

→ Usaha sama dibuat berdasarkan prestasi syarikat, masa depan PROTON, vendor dan pekerja



Keratan akhbar
BH, 21 Mei 2017.

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

▸ Kuala Lumpur

Baki pinjaman mudah sebanyak RM250 juta kepada PROTON Holdings Bhd (PROTON), dijangka disalurkan dalam tempoh seminggu lagi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata jumlah itu adalah sebahagian daripada pinjaman mudah berjumlah RM1.5 bilion yang diluluskan kerajaan kepada PROTON, yang sebahagian besarnya digunakan bagi menyelesaikan baki bayaran kepada vendor.

Katanya, dakwaan bahawa kerajaan tidak memberi bantuan dana kepada PROTON seperti dijanjikan, adalah tidak berasas.

Tanggungjawab kerajaan

"Walaupun bantuan seperti ini tidak pernah berlaku dalam ekonomi pasaran terbuka, ia adalah langkah bertanggungjawab oleh kerajaan dalam memastikan semua pilihan yang berdaya maju diterokai, untuk menjamin masa depan lebih baik bagi PROTON.

"Bagaimanapun, kerajaan tidak boleh berterusan membantu PROTON setiap kali syarikat itu menghadapi masalah kewangan. Atas sebab ini, pinjaman mudah RM1.5 bilion dibuat tertakluk kepada PROTON mendapatkan rakan strategik asing," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau mengulas dakwaan terbaru Tun Dr Mahathir Mohamad menerusi blognya, bahawa duit sebanyak RM1.7 bilion yang kononnya diberi kepada PROTON tidak sampai kepada PROTON, setakat yang dapat diketahui.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu juga turut mendakwa penjualan PROTON dibuat kerana dendam kesumat.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, banyak pandangan dinyatakan berhubung masa depan PROTON hasil kerjasama yang dicadangkan dengan Geely Holding Group Ltd (Geely Holding) walaupun terlalu awal untuk diulas.

Bagaimanapun, katanya, berdasarkan pencapaian Geely Holding dalam penjenamaan semula Volvo, masa depan PROTON dilihat lebih cerah.

"Apa yang kami tahu, tanpa pinjaman mudah RM1.5 bilion oleh kerajaan pada April 2016, masa depan PROTON menjadi lebih mencabar, apabila kebajikan 350 vendor secara

langsung dan tidak langsung serta 60,000 pekerja, menjadi taruhan," katanya.

Beliau berkata, saiz pasaran automotif negara adalah kira-kira 600,000 unit setahun dan bagi mana-mana syarikat untuk berjaya, ia perlu memenuhi skala ekonomi.

Katanya, sepanjang tempoh lima tahun lalu, PROTON menampilkan beberapa pelan promosi eksport tetapi tiada yang menjadi kenyataan.

"Perlu diingatkan bahawa keputusan untuk menjadi rakan kongsi Geely Holding adalah semata-mata keputusan komersial yang dibuat demi kepentingan PROTON, vendor dan kakitangannya.

"Ia dibuat selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk faedah yang akan diperoleh dari teknologi Geely, kemudahan penyelidikan dan pembangunan serta suntikan wang tunai.

Niat dilabel balas dendam

"Amat malang apabila niat dan komitmen kerajaan untuk melihat PROTON berjaya, dilabel oleh Tun Mahathir sebagai tindakan membalas dendam. Kerajaan akan dan sentiasa melindungi kepentingan negara, kita tidak membuat keputusan berdasarkan dendam peribadi," katanya.

Mustapa berkata, industri automotif kini semakin global dan saling berkait dengan usaha sama menjadi satu kebiasaan kerana tidak banyak pembuat kereta mampu bersendirian seperti Nissan-Renault dan Cherry-Jaguar-Land Rover.

Beliau berkata, apa gunanya mengekalkan 'kebanggaan negara' seperti didakwa Dr Mahathir jika ia bermakna membiarkan syarikat itu terus bermasalah, sekali gus menjajaskan kebajikan pekerjaannya.

"Tindakan mengulangi dakwaan bahawa kita mengorbankan maruah negara adalah sia-sia seperti dibuktikan menerusi perkongsian Perodua-Daihatsu dan banyak usaha sama lain. Seperti yang kita tahu, syarikat Malaysia dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) juga mempunyai kepentingan utama dalam beberapa operasi di luar negara.

"Kepada pengkritik perkongsian PROTON-Geely, cukuplah. PROTON akan mempunyai rakan kongsi strategik asing untuk bergerak ke hadapan dalam keadaan Malaysia masih mengekalkan kawalan majoriti. PROTON dikenali di peringkat global sebagai jenama Malaysia dan tiada apa yang boleh mengubahnya," katanya.